



5 Oktober 2018
5 October 2018
P.U. (A) 252

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN SISTEM INSURANS
PEKERJAAN (PENDAFTARAN DAN CARUMAN)
(PINDAAN) 2018

*EMPLOYMENT INSURANCE SYSTEM
(REGISTRATION AND CONTRIBUTION)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2018*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SISTEM INSURANS PEKERJAAN 2017

PERATURAN-PERATURAN SISTEM INSURANS PEKERJAAN
(PENDAFTARAN DAN CARUMAN) (PINDAAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 85(2)(a) dan (h) Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [*Akta 800*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Sistem Insurans Pekerjaan (Pendaftaran dan Caruman) (Pindaan) 2018**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 November 2018.

Pindaan peraturan 6

2. Peraturan-Peraturan Sistem Insurans Pekerjaan (Pendaftaran dan Caruman) 2017 [*P.U. (A) 452/2017*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 6 dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Mana-mana majikan yang tidak mematuhi subperaturan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”.

Pindaan peraturan 9

3. Peraturan 9 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Mana-mana majikan yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”.

Pindaan peraturan 10

4. Peraturan 10 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Mana-mana majikan yang tidak mematuhi subperaturan (1) atau (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”.

Dibuat 3 Oktober 2018
[KSM/PUU(S)600-1/2/28/2; PN(PU2)747]

M. KULA SEGARAN
Menteri Sumber Manusia

EMPLOYMENT INSURANCE SYSTEM ACT 2017

EMPLOYMENT INSURANCE SYSTEM (REGISTRATION AND CONTRIBUTION)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2018

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 85(2)(a) and (h) of the Employment Insurance System Act 2017 [Act 800], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Employment Insurance System (Registration and Contribution) (Amendment) Regulations 2018**.

(2) These Regulations come into operation on 1 November 2018.

Amendment of regulation 6

2. The Employment Insurance System (Registration and Contribution) Regulations 2017 [*P.U. (A) 452/2017*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 6 by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(3) Any employer who fails to comply with subregulation (2) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.”.

Amendment of regulation 9

3. Regulation 9 of the principal Regulations is amended by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(3) Any employer who fails to comply with subregulation (1) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.”.

Amendment of regulation 10

4. Regulation 10 of the principal Regulations is amended by inserting after subregulation (3) the following subregulation:

“(4) Any employer who fails to comply with subregulation (1) or (3) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.”.

Made 3 October 2018

[KSM/PUU(S)600-1/2/28/2; PN(PU2)747]

M. KULA SEGARAN
Minister of Human Resources